



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 61 / 2019**

### **MENJELANG PROSES PENGUNDIAN PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN P.186 SANDAKAN**

1. Hari ini Suruhanjaya Pilihan Raya telah menjalankan Semakan Peralatan Mengundi seperti peti undi, dakwat pilihan raya, kertas undi, petak undi dan sebagainya untuk kegunaan bagi proses pengundian yang akan dijalankan esok.
2. Semakan ini untuk memastikan semua peralatan/kelengkapan bagi pengundian pada hari esok lengkap dan berkeadaan baik.
3. Peralatan ini diagihkan kepada Ketua-Ketua Tempat Mengundi (KTM) bagi setiap Saluran Mengundi.
4. Sebanyak **19 Pusat Mengundi** dan **90 Saluran** akan dibuka esok untuk tujuan pengundian dengan seramai **798 orang petugas** akan bertugas bagi proses pengundian esok.
5. Seramai **39,684 orang pengundi** bakal mengundi di PRK Parlimen P.186 Sandakan pada hari esok. SPR berharap semua pengundi dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan keluar mengundi.

#### **KELUAR MENGUNDI AWAL**

6. Pengundi dinasihatkan supaya **keluar mengundi lebih awal** dan jangan menunggu sehingga disaat akhir.

#### **BUAT SEMAKAN AWAL DAFTAR PEMILIH**

7. Bagi pengundi yang telah menerima Kad Pengundi (*Voter's Card*) atau yang telah mengetahui maklumat pengundian, mereka boleh terus ke saluran mengundi dan tidak perlu lagi membuat semakan di barung semakan SPR.

8. Manakala, bagi pengundi yang tidak menerima *Voter's Card* atau belum mengetahui maklumat pengundian, mereka disaran agar membuat semakan lebih awal sebelum hari mengundi. Semakan boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut:

- a) layari **portal SPR** di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) ; atau
- b) telefon ke talian **03-88927018**; atau
- c) menyemaknya melalui aplikasi **MySPR Semak**; atau
- d) hantar **SMS ke 15888 (taip SPR<jarak>SEMAK<jarak> NO.KAD PENGENALAN)**

9. Bagi pengundi yang baharu membuat semakan, mereka disaran untuk mencatat dan menyimpan maklumat-maklumat berikut:

- a) **pusat mengundi**
- b) **saluran mengundi**
- c) **nombor bilangan pemilih**

10. Para pengundi juga adalah diingatkan supaya membawa **kad pengenalan** dan **voter's card** atau **catatan maklumat daftar pemilih** serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran. *Voter's Card* dan catatan maklumat pengundian itu akan memudahkan KP1 untuk membuat semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada hari mengundi

11. Selain itu, pengundi juga dinasihatkan supaya tidak menyerahkan kad pengenalan mereka kepada pihak lain selain daripada petugas pilihan raya.

### **TAMAT TEMPOH RASMI BERKEMPEN**

12. SPR sekali lagi mengingatkan semua pihak yang bertanding bahawa tempoh rasmi berkempen akan tamat pada malam ini iaitu sehingga jam **11.59 minit malam, 10 Mei 2019**.

13. Selepas tempoh itu berakhir, semua pihak hendaklah menghentikan sebarang bentuk aktiviti berkempen termasuk aktiviti merayu undi.

14. Tiada mana-mana pihak yang boleh merayu undi **termasuklah di luar Pusat Mengundi** dan juga melalui saluran media sosial seperti **Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain**.

15. SPR juga mengingatkan bahawa semua parti adalah dilarang untuk membuka, membina atau menyelenggara pejabat dan barung semasa Hari Mengundi.

16. Mana-mana pihak yang melakukan kesalahan ini akan diambil tindakan undang-undang.

**MEMAKAI BAJU ATAU MEMBAWA MATERIAL BERSIMBOL PARTI ATAU BERUNSUR KEMPEN CALON**

17. SPR sekali lagi menegaskan kepada semua pihak khususnya pengundi, calon dan petugas yang ingin memasuki Pusat Mengundi pada Hari Mengundi agar tidak memakai baju yang mempunyai simbol Parti atau gambar calon atau apa-apa bahan kempen.

18. Mana-mana pengundi atau individu yang gagal mematuhi undang-undang boleh dihalang dari memasuki Pusat Mengundi dan dikenakan tindakan undang-undang sekiranya berbuat demikian.

19. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika pilihan raya bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya serta tidak mengugat ketenteraman awam. Sebarang pelanggaran undang-undang yang berkaitan boleh dikenakan tindakan.

Sekian, terima kasih.

**DR AZMI SHAROM**

Timbalan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya

Tarikh : 10 Mei 2019 / 5 Ramadhan 1440H